

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

HMT 330 - Psikolinguistik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **LAPAN [8]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini tidak dibenarkan dibawa keluar dari Dewan Peperiksaan.

BAHAGIAN A

Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.

1. Lukis rajah sepasang neuron dalam keadaan menyampaikan maklumat "*Rosalinda* dan *Yo soy Betty La Fea* ialah dua drama bersiri bahasa Sepanyol dari dua negara berlainan." Rajah ini **mestilah** dilabelkan dengan lengkap.
[10 markah]
2. Pertimbangkan dengan teliti ayat berikut dari satu eksperimen rekaan mengenai priming modus bertentangan. Huruf-huruf A – D menandakan titik-titik yang ditegaskan sewaktu persembahan auditori ayat dijalankan. Subjek telah diminta untuk melaksanakan suatu penentuan leksikal mengenai rangsangan visual.

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Pemberita (A) sedang menemu ramah seorang pemain bola yang terkenal dan berbakat (B) yang dijemput oleh seorang doktor yang mesra (C) yang gemar memakai kasut buruk (D) ke majlis keraian itu.

- [a] Bulatkan titik-titik di mana anda menjangka untuk menemui “*priming*” bagi perkataan berikut (berkemungkinan terdapat lebih dari satu pemilihan bagi setiap perkataan):

BERITA	A	B	C	D
BOLASEPAK	A	B	C	D
AIR	A	B	C	D
JURURAWAT	A	B	C	D

[5 markah]

- [b] Andaikan bahawa dalam satu kertas kerja psikolinguistik gunaan anda membaca: “Kami mendapati bahawa ‘kucing’ *memprimkan* ‘anjing’ dalam satu tugas penentuan leksikal.” Secara ringkas huraikan apa-apa yang difikirkan penting mengenai setiap aspek-aspek eksperimen berikut:

[5 markah]

Rangsangan:

Tugasan:

Pengukuran:

Hasilan:

- [c] Lukiskan satu gambarajah yang menunjukkan bagaimana ‘kucing’ *memprimkan* ‘anjing’ dalam model aktivasi penyebaran leksikon.

[5 markah]

3. Dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian, berikan definisi bagi setiap yang berikut:

- [a] Pemerolehan bahasa ibunda
- [b] Pemerolehan bahasa kedua
- [c] Kedwibahasaan
- [d] Teori mentalis
- [e] Teori kognitif

[15 markah]

...3/-

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

BAHAGIAN B

4. Jawab **SEMUA** soalan [a] hingga [c].

[a] Jawab [i] hingga [iii].

[i] Lukis satu rajah struktur otak manusia seperti yang diberikan oleh Feldman (1997) dan satu rajah struktur otak bukan manusia yang dipotong di dalam kuliah kedua.

[3 markah]

[ii] Tunjukkan bahagian korpus kalosum, jika ada dalam kedua-dua rajah ini.

[1 markah]

[iii] Nyatakan fungsi dan kepentingan korpus kalosum ini terhadap pemerolehan dan pembelajaran bahasa.

[1 markah]

[b] Susun dan golongan data [i] hingga [vi] kepada tiga fenomena bahasa yang dinyatakan oleh Feldman (1997) dan Gleason dan Ratner (ed., 1998). Namakan proses yang anda lakukan untuk menyusun dan menggolongkan data ini, dan namakan tiga fenomena bahasa yang dikenalpasti ini.

[i] Maka, rambutan itu besar.

[ii] Bila kita nak masuk terowong, abah? → Bila kita nak masuk terlorong, abah?

[iii] Semua pokok itu besar.

[iv] Supermarket Yawata jual murah betul. → Supermaya jual murah belul.

[v] Wanita dibunuh lelaki. → a) Wanita yang dibunuh ialah sebenarnya lelaki. b) Wanita dibunuh oleh lelaki.

[vi] Rambutan itu pokok.

[5 markah]

[c] Bincangkan satu daripada tiga fenomena bahasa yang dikenalpasti dalam (2[b]). Gunakan data yang diberikan dalam (2[b]) sahaja untuk perbincangan anda.

[10 markah]

...4/-

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

BAHAGIAN C

Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini. Pilih jawapan-jawapan yang sesuai sahaja dengan menandakan (✓) bagi setiap pilihan anda di atas **kertas soalan ini**. Pemilihan berkemungkinan melibatkan lebih daripada satu jawapan yang sesuai. Peringatan: Pemilihan yang salah akan mengakibatkan markah dipotong.

5. [a] Apakah yang dikemukakan oleh Teori Motor Persepsi Pertuturan?
- [i] Pemahaman melibatkan pergerakan motor.
 - [ii] Persepsi pertuturan melibatkan representasi artikulasi.
 - [iii] Pemprosesan bunyi-bunyi pertuturan berbeza dari bukan pertuturan.
 - [iv] Persepsi pertuturan merupakan suatu kemahiran yang boleh dipelajari oleh haiwan lain juga.
- [b] Mengapakah Kesan McGurk (iaitu melihat "ga," mendengar "ba," tetapi menanggap "da") dianggap sebagai bukti bagi Teori Motor Persepsi Pertuturan.
- [i] Informasi daripada mata dan telinga haruslah digabungkan di dalam otak.
 - [ii] Informasi artikulasi (daripada mata) mempunyai kesan langsung ke atas persepsi pertuturan.
 - [iii] Pertuturan adalah khas kerana bahasa penulisan adalah bukan diproses dengan cara yang sama seperti pertuturan.
 - [iv] Persepsi bunyi-bunyi pertuturan adalah bukan berdasarkan pada akustik semata-mata.
- [c] Yang manakah di antara eksperimen berikut mencadangkan bahawa manusia mengingat wacana sebagai proposisi dan bukan sebagai ayat?
- [i] Manusia tersilap mengingat "The window is not closed" lebih kerap sebagai "The window is open" berbanding sebagai "The window is closed."
 - [ii] Manusia mempunyai tindakbalas yang berlainan pada sesuatu cerita bergantung sama ada pada penggunaan "go" atau "come".

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [iii] Lima belas minit setelah membaca sesuatu cerita, manusia menentusahkan pernyataan implisit dan pernyataan eksplisit pada kadar kelajuan yang sama.
 - [iv] Manusia tidak menghadapi apa-apa kerumitan mengingati petikan terkenal seumpama "To be or not to be".
- [d] Apakah hujah-hujah yang dikemukakan oleh Chomsky mengenai ayat "Colorless green ideas sleep furiously"?
- [i] Ayat ini menunjukkan bahawa strategi penghuraian ayat diaplikasikan apabila memproses ayat "garden-path".
 - [ii] Ayat ini menunjukkan bahawa teori rangkaian pertautan tidak berkeupayaan untuk menerangkan pola bahasa manusia.
 - [iii] Ayat ini menunjukkan bahawa pemprosesan sintaksis dan semantik berkemungkinan berasingan.
 - [iv] Ayat ini menunjukkan bahawa Chomsky faham dengan baik apa itu jenaka.
- [e] Yang manakah di antara pernyataan berikut benar mengenai eksperimen Elman dan McClelland (1988) mengenai pemprosesan atas ke bawah bagi persepsi pertuturan (iaitu eksperimen mengenai "fooli[sh/s] [c/t]apes" dan "Christma[s/sh] [c/t]apes").
- [i] Mereka menggunakan eksperimen tersebut sebagai bukti berdasarkan kepada dapatan terdahulu bahawa manusia mempunyai suatu kecenderungan untuk mendengar /s/.../t/ sebagai /s/.../k/.
 - [ii] Subjek mendengar perkataan seumpama "fooli?", dan mereka terpaksa menentukan apakah bunyi terakhirnya.
 - [iii] Persepsi ke atas /t/ lwn. /k/ dipengaruhi oleh perkataan sebelumnya meskipun morfem terakhirnya tidak jelas.
 - [iv] Dapatan eksperimen ini menyokong dakwaan bahawa persepsi pertuturan merupakan suatu modul berasingan.

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [f] Yang manakah di antara fenomena berikut lebih jelas pemerianaannya oleh model aktivasi penyebaran semantik leksikal berbanding model fitur semantik?
- [i] Kesan tipikal (umpamanya, subjek lebih pantas menentusahkan "A dog is a mammal" berbanding "A whale is a mammal")
 - [ii] Kesan saiz kategori (umpamanya, subjek lebih pantas menentusahkan "A dog is a mammal" berbanding "A dog is a thing")
 - [iii] Kesan konteks (umpamanya, subjek lebih pantas menentusahkan "A dog is a mammal" sekiranya mereka baru sahaja membaca "A cat is a mammal")
 - [iv] Kesan sempadan kategori (umpamanya, subjek bertindak balas "Salah" kepada "A bat is a bird" meskipun 'bats' dan 'birds' adalah serupa)
- [g] Yang manakah di antara eksperimen berikut telah mendakwa menunjukkan bahawa sintaksis harus diproses sebelum semantik dalam pemahaman ayat?
- [i] Manusia tersilap mengingati "The window is not closed" lebih kerap sebagai "The window is open" berbanding sebagai "The window is closed."
 - [ii] Subjek sama-sama lembap apabila membaca ayat seumpama "The florist sent the flowers was very pleased" dan "The performer sent the flowers was very pleased."
 - [iii] Subjek pantas untuk menentukan bahawa perkataan "is" merupakan suatu lanjutan yang tepat bagi cebisan ayat "If you've been trained as a pilot, landing planes...."
 - [iv] Subjek teragak-agak apabila membaca perkataan "After the child had sneezed the doctor...."
- [h] Yang manakah di antara fenomena berikut mendakwa menyokong Teori Motor Persepsi Pertuturan?
- [i] Kesan McGurk
 - [ii] Kesan kelebihan perkataan

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [iii] Persepsi kategorikal
- [iv] Persepsi Duplex
- [i] Yang manakah di antara pernyataan berikut benar?
 - [i] “Daya ingatan berfungsi” pada dasarnya adalah nama yang lain bagi “memori jangka pendek”.
 - [ii] “Daya ingatan semantik” semata-mata merujuk kepada penyimpanan makna perkataan.
 - [iii] “Daya ingatan prosedural” dapat diilustrasikan oleh keupayaan untuk menaip dengan pantas tanpa melihat kepada tangan.
 - [iv] “Daya ingatan episodik” berkemungkinan memainkan peranan dalam kesan suara penutur.
- [j] Yang manakah di antara eksperimen berikut dianggap menunjukkan bahawa informasi leksikal (umpamanya, pensubkategorian) diperolehi secara langsung apabila menghuraikan ayat?
 - [i] Subjek sama-sama lembap apabila membaca ayat seumpama “The florist sent the flowers was very pleased” dan “The performer sent the flowers was very pleased.”
 - [ii] Subjek teragak-agak apabila membaca perkataan “After the child had sneezed the doctor....”
 - [iii] Subjek teragak-agak agak lama dalam daerah penyahtaksan bagi ayat yang mempunyai verba berkecenderungan pada frasa nama (umpamanya, “The student forgot the solution was in the back of the book”) berbanding verba berkecenderungan pada ayat (umpamanya, “The student hoped the solution was in the back of the book”).
 - [iv] Subjek pantas untuk menentukan bahawa perkataan “is” adalah lanjutan yang tepat bagi cebisan ayat “If you've been trained as a pilot, landing planes....”

[20 markah]

...8/-

No. Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

BAHAGIAN D

Jawab **SAMA ADA** soalan [a] **ATAU** [b].

6. Huraikan dengan jelas pernyataan [a] atau [b] yang berikut. Gunakan bahasa yang anda ketahui sebagai contoh untuk menguatkan hujah.

SAMA ADA

- [a] Bincangkan perbezaan dan persamaan antara pendekatan tatabahasa sejagat dan model pendekatan kognitif apabila memperkatakan tentang pemerolehan bahasa kedua.

[20 markah]

ATAU

- [b] Jelas dan huraikan, 'Tahap kritikal proses pemerolehan bahasa pertama'. Berikan contoh bagi setiap tahap.

[20 markah]